



MAKLUMAT INDUSTRI SARANG BURUNG WALET BERSEMPENA LAWATAN KERJA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN KE LOJI PEMROSESAN SARANG BURUNG WALET BEHO BIRDNEST SDN. BHD.

1. Industri Sarang Burung Walet merupakan suatu industri berimpak tinggi dengan jumlah eksport sebanyak 5,654 MT bernilai RM 1.2 billion tahun 2020.
2. Sehingga tahun 2021, terdapat 16,731 premis rumah burung walet dan lima gua pengeluar Sarang Burung Walet (SBW) yang telah berdaftar iaitu Gua Gomantong dan Gua Madai di Sabah, Gua Silabur dan Gua Niah di Sarawak serta Gua Langkawi, Kedah.
3. Hasil pengeluaran SBW daripada gua adalah sebanyak 40 - 60 MT setahun. Potensi SBW gua adalah tinggi kerana harga sarang burung walet mentah gua adalah sekitar RM8,000 sekilogram.
4. Negara pengimport utama sarang burung walet (SBW) Malaysia adalah China di mana China mengimport 80% daripada jumlah keseluruhan eksport SBW Malaysia.
5. Sehingga tahun 2021 sebanyak 41 loji SBW telah diluluskan oleh pihak berkuasa negara China (GACC) iaitu 38 loji sarang burung walet bersih (EBN-RC) dan tiga loji sarang burung walet belum bersih (EBN-RUC)
6. Bagi memenuhi protokol eksport sarang burung ke Negara China, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah memberikan pengiktirafan persijilan VHM kepada 30 loji pemprosesan SBW dan persijilan GVHP kepada 44 loji .

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

13 Jan 2022